

SELADIN TABLET

Naproxen (250mg, 500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SELADIN TABLET
2. Bagaimana SELADIN TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan SELADIN TABLET
4. Cara menggunakan SELADIN TABLET
5. Semasa menggunakan SELADIN TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SELADIN TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan SELADIN TABLET
SELADIN TABLET digunakan untuk melegakan kesakitan dan keradangan dalam penyakit reumatik (penyakit keradangan sendi), gout akut dan gangguan musculoskeletal lain.

Bagaimana SELADIN TABLET berfungsi
SELADIN TABLET mengandungi Naproxen sebagai bahan aktif, yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *Non-Steroid Antiinflammatory* (NSAIDs). Ubat ini berkesan dengan mengurangkan keradangan, kesakitan dan demam.

Sebelum menggunakan SELADIN TABLET

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan SELADIN TABLET jika:

- anda mempunyai hipersensitif atau alergi terhadap Naproxen, aspirin atau NSAIDs lain. Sesetengah symptom reaksi alahan termasuk ruam kulit, gatal-gatal, pernafasan yang pendek, dan pembengkakan muka, bibir atau lidah.
- anda mempunyai atau pernah mempunyai ulser perut.
- anda mempunyai penyakit buah pinggang yang teruk.

-Sebelum menggunakan SELADIN TABLET

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai keadaan berikut:

- masalah pendarahan
- kegagalan hati atau penyakit hati
- ulser, pendarahan atau lubang pada perut atau usus.
- warga emas
- merokok atau ketagihan pada alkohol
- strok
- tekanan darah tinggi

- pengekangan bendalir dalam badan atau oedema
- mengalami dyspepsia (ketidakselesaan pada kawasan epigastric disebabkan masalah penghadaman)

Naproxen mungkin mengakibatkan reaksi kulit yang teruk, seperti *exfoliative dermatitis*, *toxic epidermal necrolysis*, *Steven-Johnson Syndrome*. Symptom mungkin termasuk ruam kulit, lepuh, dan mengelupas. Ini mungkin menjadi tanda yang serius. Jika reaksi ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Mengandung dan menyusukan anak

Sila rujuk kepada doktor anda sebelum menggunakan SELADIN TABLET jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau berhasrat untuk menyusukan anak. Doktor anda akan mempertimbangkan risiko dan manfaat yang diharapkan kepada anda jika anda menggunakan SELADIN TABLET.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat bila diambil bersama SELADIN TABLET mungkin mengakibatkan tindak balas sesama sendiri. Ini termasuk:

- Probenecid, ubat untuk gout
- Sulfonilyurea, ubat untuk kencing manis
- Hydantoin, ubat untuk sawan
- *Antihypertensive*, ubat untuk tekanan darah tinggi
- *Coumarin anti-coagulant*, ubat untuk penipisan darah
- Lithium, ubat untuk depresi
- Methotrexate, ubat untuk merawat *rheumatoid arthritis*, termasuk sesetengah jenis kanser.

Doktor anda atau ahli farmasi mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa menggunakan ubat ini.

Cara menggunakan SELADIN TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk penyakit reumatik, dos yang biasa adalah 250mg dua kali sehari, diselaraskan untuk 0.5g untuk 1g setiap hari dalam 2 dos dibahagikan.

Satu dos 10mg/kg/day dalam 2 dos dibahagikan telah digunakan pada kanak-kanak lebih 5 tahun dengan artritis reumatoid juvenil.

Dalam gout akut, dos permulaan ialah 750mg diikuti dengan 250mg setiap 8 jam. Dalam gangguan muskuloskeletal akut, 500mg mulanya, maka 250mg setiap 6-8 jam seperti yang dikehendaki.

Selepas menilai nisbah risiko / manfaat dalam setiap pesakit individu, dos berkesan yang paling rendah untuk tempoh yang paling singkat harus digunakan.

-Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

-Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakannya

Jika anda terlepas dos SELADIN TABLET, ambil secepat mungkin. Jika ia menghampiri masa untuk dos seterusnya, skip dos tertinggal dan kembali kepada jadual pengambilan dos biasa anda. Jangan menggandakan dos.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan SELADIN TABLET

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda yang anda mengambil SELADIN TABLET.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil ubat baru tanpa dapatkan nasihat dari doktor anda.

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mungkin mempunyai symptom dan keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan mesin

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana SELADIN TABLET memberi kesan kepada anda.

Kesan sampingan

Gastrosus: Aduan yang paling kerap berkaitan perut dan saluran usus ialah seperti sembelit, pedih ulu hati, sakit badan, loya, dyspepsia (ketidakhadaman), cirit-birit, *stomatitis* (ulser perut).

Sistem saraf berpusat: Sakit kepala, pening, mengantuk, kepala, gayat, perasaan berpusing.

Dermatologi: Gatal-gatal (pruritus), letusan kulit, ecchymoses (bengkak), berpeluh, purpura.

Deria khas: Tinnitus (deringan dalam telinga), gangguan pendengaran dan penglihatan.

Edema: kardiovaskular, *dyspnea* (nafas yang pendek), denyutan jantung yang cepat dan deras.

Hematologi: Gangguan darah dan pendarahan dan ulser sekali-sekala.

Secara am: Dahaga

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda perasan selain dari yang atas membuatkan anda merasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan diatas mungkin berlaku kepada orang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan aduers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumer→Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan di dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda memberitahu untuk berhenti menggunakan SELADIN TABLET atau ubat ini telah luput tarikh, sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

-Maklumat lanjut

SELADIN TABLET 250MG:

Tablet berwarna kuning muda, satu belah ditunjukkan dengan skor.

-Bahan tidak aktif

Sodium Starch Glycolate

Talc

Magnesium Stearate

Iron Oxide Yellow

Magnesium Aluminometasilicate

Isopropyl Alcohol

Iron Oxide Red

Hydroxypropyl Cellulose

-Nombor MAL

SELADIN TABLET 250MG:

MAL19988495AZ

SELADIN TABLET 500MG:

MAL19988494AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/02/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)240216/00060

SELADIN TABLET 500MG:

Tablet berwarna kuning muda, satu belah ditunjukkan dengan skor dan sebelah bahagian lagi bertanda “YS”.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Naproxen